



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Suara Keadilan
Date	27/03/2012

# Najib akui BN sukar bentuk kerajaan

*Suara Keadilan - 27/3/2012*

**TINDAKAN** Perdana Menteri Najib Razak memberi amaran kononnya negara tidak akan stabil sekiranya tidak ada pihak menang sejumlah kerusi yang besar dalam pilihan raya umum akan datang dilihat sebagai kebudak-budakan.

Ahli Parlimen Sungai Petani Datuk Johari Abdul tidak melihat akan berlaku ketidaktentuan dalam politik sekiranya BN gagal mendapat sokongan yang secukupnya.

“Keputusan pilihan raya bergantung kepada kehendak rakyat. Sama ada mereka mahu memilih BN atau pun PR. Tidak

mungkin berlaku huru-hara sekiranya pihak selain BN menang.

“BN telah pun kalah di beberapa buah negeri dalam pilihan raya lalu. Adakah pentadbiran di negeri-negeri itu terbantut? Sebaliknya, negeri yang mana BN kalah lebih makmur dan kadar rasuah lebih rendah

“Perkara yang paling penting, PM mestilah mengadakan pilihan raya yang bebas dan tidak dicemari penipuan. Tidak ada guna menang dan memerintah melalui pilihan raya yang tercemar,” katanya.

Baru-baru ini, ketika me-

lancarkan Kelab Koresponden Asing Malaysia di Kuala Lumpur Najib membayangkan kemungkinan BN gagal mendapat majoriti yang selesa pada pilihan raya umum akan datang.

Ditanya oleh beberapa wartawan asing mengenai tarikh pilihan raya, Najib yang gemar berbelit-belit itu berkata, mengumumkan tarikh pilihan raya tidak ubah seperti meminta ketua pegawai eksekutif syarikat Coca Cola mendedahkan ramuan minuman ringan yang menjadi rahsia sejak sekian lama.

Johari menyelar Najib, katanya, demokrasi yang diamalkan pentadbiran BN sudah ketinggalan zaman. Di negara lain tarikh pilihan raya bukanlah sesuatu yang menjadi rahsia.

“Tarikh pilihan raya adalah hak rakyat. Mengapakah BN begitu takut mengumumkannya? Sekiranya mereka melakukan tugas dengan baik tidak ada masalah tarikh diumumkan setahun lebih awal.

“Mereka tetap akan diundi. Hanya parti yang tidak yakin sahaja akan menyembunyikan tarikh pilihan raya,” katanya.



JOHARI ABDUL